



## Pembinaan dan pengukuhan identiti sebagai da'i: Pengalaman pendakwah wanita di Malaysia

Mimi Hanida Abdul Mutalib<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mimi Hanida Abdul Mutalib (email: mimi8ab@ukm.my)

### Abstrak

Sejak kebelakangan ini, penyertaan pendakwah wanita dalam aktiviti dakwah adalah semakin aktif dalam masyarakat Malaysia. Kemunculan pendakwah wanita di media elektronik ini dilihat sebagai turut berjaya menarik minat golongan muda terhadap program yang berunsurkan keagamaan. Berdasarkan pengamatan perpektif antropologi agama, kajian ini menunjukkan perkembangan peranan, sumbangan dan usaha yang gigih dalam kalangan pendakwah wanita dalam menyebarkan dakwah Islam di Malaysia terutamanya dalam kurun ke 21. Artikel ini membincangkan beberapa halangan dan realiti yang perlu ditempuh oleh pendakwah wanita masa kini serta melihat potensi mereka di masa hadapan bagi melihat bagaimana wanita Islam ini berusaha untuk membina dan mengukuhkan identiti mereka sebagai pendakwah wanita di mana peranan mereka sebagai memimpin umat Islam dalam membentuk sebuah masyarakat Islam di Malaysia. Di samping itu, artikel ini juga bertujuan untuk menunjukkan ketidakbenaran dalam menafikan peranan wanita dalam arena dakwah di Malaysia serta memberikan kefahaman bagaimana identiti pendakwah wanita ini terbentuk dan diperkukuhkan. Melalui pendekatan anthropologi agama, ianya menunjukkan bagaimana respon daripada wanita Islam terhadap dakwah adalah terbukti menunjukkan identiti mereka sebagai pendakwah wanita.

**Katakunci:** antropologi, dakwah, Islam, Malaysia, pendakwah, wanita

## The identity development and consolidation of Muslim women preachers: The Malaysian experience

### Abstract

In recent times, female preachers have become increasingly visible in the *dakwah* (Islamic missionary) activities for the masses in some Muslim societies. In Malaysia, the existence of female preachers who engage with the broadcasting media is currently seen as a success, especially in attracting young viewers to religious programmes. Based on the anthropology of religion research methodology this article examines the rise of the role and contribution of female Muslims in disseminating Islamic *dakwah* to the general Malaysian society. The focus is on the challenges encountered, and opportunities availed of, by five Malaysian Muslim women preachers who routinely utilised the electronic media to perform their tasks. The general findings dispelled the view held for the past decade which underrated the Muslim women's role in public (religious) arenas. Instead, they illuminated how the Muslim female preacher's identity was shaping and shaped by practically all aspects of the *dakwah* movement in the country. From a purely anthropological perspective, it may be concluded from the findings that the responses of the other Muslim women towards the *dakwah* activities were actually affirming the Muslim women preacher's very own identity as a legitimate female preacher.

**Keywords:** anthropology of religion, *dakwah*, Islam, Malaysia, preacher, women

## Pengenalan

Kemunculan pendakwah wanita Islam dalam arena pendakwaan di Malaysia bukanlah suatu yang asing lagi. Hampir di setiap majlis ilmu agama di Malaysia kini turut memberikan laluan kepada pendakwah wanita untuk bergandingan dengan pendakwah lelaki. Pendakwah wanita ini memberikan ceramah agama yang berkaitan dengan ilmu agama Islam melalui beberapa tema agama yang berkaitan dengan isu semasa. Trend syarahan agama seumpama ini menjadi semakin popular dalam arena dakwah di Malaysia masa kini. Fenomena ini adalah amat menggalakkan kerana ianya adalah suatu yang agak berlainan dengan apa yang berlaku sekitar era 1960 dan 1970 an di mana peranan wanita suatu ketika dulu sekadar hanya menjadi guru agama sahaja. Namun, setelah Malaysia mengalami beberapa gelombang keislaman yang berperingkat semenjak tahun 1970 an, pendakwah wanita kini turut berpeluang menembusi era pendakwaan melalui kemunculan mereka di kaca televisyen seperti program 'Forum Perdana', Al-Kulliyyah dan beberapa program bercorak keagamaan melalui saluran Astro dan TV9. Artikel ini akan memperlihatkan perjalanan hidup dan proses membentuk identiti pendakwah wanita semenjak di awal pembabitan secara tidak langsung dalam arena pendakwaan. Selain daripada itu, penglibatan diri pendakwah dalam NGO juga turut melihat bagaimana penglibatan seumpama itu turut mampu mengukuh dan melestarikan identiti seorang pendakwah wanita masa kini. Oleh itu artikel ini akan membincangkan perjalanan spiritual seorang pendakwah wanita dan di masa yang sama turut membincangkan apakah tanggapan da'i ini kepada diri sendiri dan wanita Islam dan bukan Islam. Dari perspektif antropologi agama kajian ini diharapkan mampu memperjelaskan mengapa dan bagaimana respon seorang wanita Islam kepada dakwah di samping turut memberikan pemahaman tentang tugas serta peranan pendakwah wanita masa kini yang berhadapan dengan kehidupan masyarakat yang serba moden dan membangun namun tetap memerlukan santapan rohani sebagai salah satu daripada keperluan agama.

Suatu ketika dahulu arena pendakwaan hanya dipelopori oleh pendakwah lelaki tetapi kini pendakwah wanita turut mendapat tempat di kalangan umat Islam di Malaysia khususnya pendakwaan melalui media elektronik. Buktinya, pihak penganjur program dakwah sedaya upaya berusaha untuk memastikan setiap forum dakwah mesti mengutarakan kedua-dua pendakwah lelaki dan wanita bagi memastikan kehendak penonton dapat dipenuhi. Melihat kepada kehebatan pendakwah wanita Islam hari ini menyebabkan kita boleh terfikir bagaimana mereka boleh menjadi sebegitu hebat. Selain daripada faktor 'gifted' bagaimanakah mereka mengasah bakat mereka sebagai pendakwah yang hebat. Apatah lagi meskipun, semakin diterima oleh masyarakat namun bilangan pendakwah wanita Islam masih begitu sedikit berbanding pendakwah lelaki di Malaysia (Mimi Hanida Abdul Mutalib, 2008). Oleh itu, artikel ini akan membincangkan bagaimana pendakwah wanita ini membina, mengukuh dan melestarikan identiti sebagai da'i yang amat dihormati dan disegani dalam arena dakwah. Akhir sekali, sedikit perhatian turut dilihat dari aspek kaitan di antara identiti pendakwah wanita Islam ini dengan aspek etnisiti.

## Skop dan matlamat perbincangan

Sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai etnik maka sudah tentulah perbincangan yang berkaitan dengan tema identiti agama dan etnisiti adalah amat relevan sekali dengan latarbelakang penduduk Malaysia. Oleh itu, matlamat artikel ini adalah pertama sekali untuk melihat bagaimana pendakwah wanita ini membina dan melestarikan identiti mereka sebagai da'i, adakah kelebihan yang ada sebagai pendakwah hebat itu datang secara semulajadi atau sebaliknya akan dipaparkan berdasarkan temubual secara mendalam bersama dengan beberapa pendakwah wanita Islam. Beberapa perbincangan yang menunjukkan bagaimana beberapa pendakwah ini berusaha mengilap identiti seperti yang mereka kehendaki dan apakah faktor-faktor yang

menggalakkan pembentukan identiti mereka sebagai da'i. Proses melestarikan identiti mereka sebagai da'i adalah agak sukar kerana ketiadaan 'role model' yang boleh dijadikan mentor di awal kemunculan mereka sebagai pelopor pendakwah wanita di Malaysia. Ini adalah kerana kesemua pendakwah yang ditemubual adalah pelopor awal sebagai pendakwah wanita Islam di Malaysia yang mula aktif berdakwah melalui media elektronik semenjak tahun 1995.

Suatu ketika dahulu sekitar 1960an dan 1970an boleh dikatakan tiada pendakwah wanita seperti apa yang ada pada hari ini, yang menjadi kebiasaan dalam mendidik ilmu-ilmu agama adalah para ustazah yang memainkan peranan hanya sekitar kampung dan sekolah sahaja. Tetapi kini, pendakwah wanita semakin hebat apatah lagi selari dengan perkembangan media yang turut menyaksikan syiar Islam turut dihebahkan secara meluas melalui radio dan televisyen. Dalam konteks artikel ini, pendakwah wanita yang dimaksudkan adalah mereka yang berdakwah menggunakan media secara meluas. Jika dilihat kepada definisi dakwah itu sendiri yang bermaksud "tarik" dalam bahasa Arab turut merujuk bahawa sesiapa sahaja boleh melakukan dakwah dan ianya juga adalah wajib ke atas seorang Muslim itu. Namun demikian, artikel ini hanya menumpukan kepada pendakwah wanita yang berdakwah secara aktif melalui media elektronik iaitu televisyen dan radio sahaja.

Maka tidak hairanlah jika diperhatikan identiti pendakwah wanita ini menjadi ikutan bukan sahaja dari segi dapatan ilmu tapi juga cara bercakap dan cara berpakaian yang semuanya berlandaskan syariat Islam. Apa yang pasti selari dengan perkembangan media elektronik di Malaysia kini, bidang pendakwaan dilihat semakin mudah diterima oleh orang ramai.

Di samping itu beberapa perbincangan berkaitan dengan hubungkait 'fundamentalist' Islam dan pemeraksanaan wanita Islam di Malaysia masa kini turut dibuat bagi melihat perkembangannya. Dan perkara ini dilihat melalui perjalanan hidup pendakwah wanita semenjak dari awal lagi pembabitan mereka dalam arena pendakwaan. Beberapa pengalaman berkenaan dengan proses bagaimana mereka membina, mengukuh dan melestarikan identiti mereka sebagai pendakwah wanita yang dikenali dan dapat diterima oleh masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia akan turut disertakan dalam artikel ini.

## **Latar belakang dan metod kajian**

Kajian ini dilakukan dalam kalangan pendakwah di Malaysia terutama mereka yang sering menjalankan aktiviti dakwah mereka melalui media elektronik terutamanya radio dan televisyen. Langkah pemilihan pendakwah seumpama ini dibuat kerana trend pendakwaan melalui radio dan televisyen adalah sangat popular masa kini di samping memberikan liputan yang lebih meluas. Oleh itu seramai lima nama pendakwah telah didapati dari pihak JAKIM. Lima orang pendakwah wanita ini adalah terdiri daripada pelopor kepada pendakwah wanita yang mula melibatkan kerja-kerja dakwah melalui media elektronik. Suatu ketika dahulu, terutama sekitar 1970an dan 1980an, memang tiada pendakwah wanita yang keluar berdakwah melalui televisyen. Mereka ini terdiri daripada latar belakang pendakwah yang berbeza yang terdiri daripada pendakwah bebas, dan juga pendakwah sepenuh masa mahupun pendakwah sambilan. Mereka ini telah ditemubual secara mendalam di mana beberapa tema yang berkaitan pembinaan dan pengukuhan identiti sebagai pendakwah telah dikenalpasti.

## **Pengisian dakwah dalam kalangan pendakwah wanita**

Kemunculan pendakwah wanita pada hari ini sangat bertepatan dengan keperluan wanita Islam masa kini kerana di samping keinginan untuk terus mempelajari ilmu-ilmu agama serta memperbaharui komitmen mereka terhadap agama Islam, wanita pada hari ini juga memerlukan pendakwah wanita untuk menjawab beberapa persoalan yang berkaitan dengan wanita dan wanita

itu sendiri. Hal ini turut diakui oleh beberapa pendakwah lelaki yang turut terlibat dalam kajian Mimi Hanida Abdul Mutalib (2008). Kajian tersebut menyatakan di mana pendakwah lelaki memerlukan pendakwah wanita dalam menerangkan hal-hal yang berkaitan dengan isu menstruasi, hak wanita dan hal-hal yang berkaitan dengan wanita.

### **Islam dan identiti Melayu sebelum era dakwah di Malaysia**

Aktiviti dakwah di Malaysia masa kini boleh dikatakan sebagai berada di tahap selesa kerana ianya kini merupakan suatu fenomena biasa dalam masyarakat. Rata-ratanya faham tentang dakwah ini kerana Malaysia telah melepasi gelombang Islamisasi semenjak tahun 1970an lagi. Ramai yang telah semakin memperbaharui komitmen terhadap Islam secara serius. Suasana sedemikian amat berbeza jika hendak dibandingkan dengan Islam dan identiti Melayu sebelum era dakwah sekitar tahun 1970an (Sharifah Zaleha Syed Hasan, 2003).

Maklumat atau tulisan yang berkisarkan tentang identiti agama dan etnisiti adalah amat sedikit bagaimanapun input-input yang berkaitan dengan identiti Islam dan agama dapat dilihat dalam beberapa konteks terutama yang melibatkan penglibatan dalam gerakan dakwah sekitar 1970an (Sharifah Zaleha, 2003; Chandra Muzaffar, 1987; Zainah Anwar, 1987; Judith Nagata, 1975; 1984). Kini, topik identiti agama ini turut dibincangkan secara meluas dan mendalam secara akademik selari dengan era Islamisasi yang telah berlaku semenjak tahun 1970an.

### **Gelombang Islamisasi: Persoalan wanita dan komitmen terhadap keagamaan**

Peranan pendakwah wanita dalam membantu umat Islam memperbaharui komitmen mereka terhadap agama Islam adalah agak ketara dewasa ini. Ini dapat dilihat melalui penglibatan mereka bersyarah melalui ceramah agama sama ada di majlis terbuka mahu pun dalam rancangan bercorak agama di televisyen. Pendengar ceramah dakwah mereka bukan sahaja di kalangan wanita tetapi juga terdiri daripada pendengar lelaki. Dan ini adalah fenomena yang agak berbeza berbanding 15 tahun dahulu di mana menurut Wazir Jahan (1995:19),

*“Women in Southeast Asia are publicly visible; but they are not visible in formal politics or the great religions endorsed by the State”.*

Meskipun, gelombang dakwah telah berada di Malaysia semenjak awal 1970 an lagi namun, kemunculan pendakwah wanita hanya muncul sekitar tahun 1990 an di mana peranan mereka telah mula dilihat bukan sahaja untuk menyampaikan input serta nilai-nilai Islam tetapi juga cuba menyelit beberapa pandangan dan motivasi terhadap bagaimana mengimbangi peranan mereka sebagai Muslim dan di masa yang sama sebagai wanita yang bekerjaya, kaedah mendidik anak-anak (parenting skill), dan sebagainya.

### **Spiritual journey: Pembentukan identiti sebagai pendakwah wanita di Malaysia**

Kajian ini melibatkan beberapa pendakwah wanita yang aktif dengan media elektronik dalam menyebarkan ajaran Islam. Seramai lima orang pendakwah wanita telah ditemubual secara mendalam. Beberapa pengalaman berkenaan dengan apakah yang menyebabkan mereka ini menjadi pendakwah atau bagaimana mereka menjadi pendakwah yang berwibawa dan mempunyai peminat atau pengikut yang tersendiri. Proses membina, mengukuh dan melestarikan identiti sebagai pendakwah wanita akan dibuat melalui perbincangan berdasarkan tema-tema berikut;

### 1. Latar belakang akademik dan kerjaya

Pendakwah wanita yang merupakan informan utama dalam kajian ini kesemuanya memiliki latar belakang akademik yang tinggi. Masing-masing mempunyai ijazah dari dalam dan luar negara. Antaranya adalah graduan dalam bidang Syariah, pendidikan Islam dan salah seorangnya mempunyai ijazah Phd manakala seorang lagi mempunyai ijazah serta kepakaran dalam bidang perubatan. Secara keseluruhannya, keempat-empat pendakwah wanita ini datang dari latar belakang pendidikan agama manakala hanya seorang sahaja yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama secara formal. Bagaimanapun, informan berkenaan merupakan anak Kadi di pejabat Agama Negeri yang semestinya menitik beratkan pendidikan agama semenjak dari kecil lagi. Faktor pendidikan dan galakan daripada ibu-bapa turut menyumbang dalam membentuk peribadi pendakwah wanita agar sentiasa menuntut dan mengejar ilmu.

**Informan A** masih ingat lagi di mana,

*“Bapa saya adalah seorang yang ‘gender sensitive’, meskipun ketika itu anak-anak lelaki yang sering diutamakan tetapi tidak kepada bapa saya kerana beliau tidak pernah menghalang anak-anak perempuannya belajar tinggi sehingga ke luar negara. Kakak belajar ‘engineering’ di England dan saya belajar bidang perubatan. Kami adik beradik masih dapat menikmati belajar setinggi mungkin sedangkan bapa orang lain tidak menggalakkan anak perempuan belajar terlalu tinggi”*

Sementara itu, **pendakwah wanita B** yang datang dari keluarga keturunan Arab turut menguasai bidang agama dan bahasa Arab dengan baik. Beliau masih ingat kenangan dibesarkan dalam sebuah keluarga luas. Beliau terkenang sewaktu menghabiskan masa bersama datuknya semasa kecil di mana,

*“datuk saya seringkali memberi saya peribahasa bahasa Arab dan saya akan disuruh untuk menghafalnya sambil meneka maksud peribahasa tersebut”*

Latar belakang seumpama keluarga yang menekan pendedahan tentang ilmu agama semenjak dari kecil turut menyumbang kepada pembentukan identiti pendakwah wanita ini. Di samping itu, kecenderungan untuk mempunyai pendidikan akademik yang tinggi juga membantu mengukuhkan identiti pendakwah wanita yang disegani dalam masyarakat masa kini sebagai satu autoriti dalam dunia penyebaran dakwah masa kini.

### 2. Perjalanan spiritual: Isu berkenaan spiritual dan motivasi

Isu spiritual terdapat dalam sebahagian daripada kehidupan manusia tanpa disedari oleh seseorang itu atau tidak. Bagi membincangkan penglibatan pendakwah wanita ini dalam aktiviti dakwah maka perbincangan mengenai ‘perjalanan spiritual’ mereka dianggap penting bagi menunjukkan kaitan serta kesannya kepada pembentukan identiti mereka. Kebanyakan informan dalam kajian ini menganggap bahawa mereka terdorong ke arah aktiviti dakwah kerana merasakan betapa perlunya mendidik dan menyentuh perasaan orang lain terhadap ajaran dan nilai-nilai Islam. Semangat untuk menjadi pendakwah ini kebanyakannya datang dari pengalaman sewaktu kecil dan sewaktu meningkat remaja serta beberapa pengalaman ketika terpaksa mengharungi beberapa halangan sewaktu menjalankan kerja-kerja pendakwahan.

Pengalaman menempuh ‘perjalanan spiritual’ ini dirasai oleh **pendakwah wanita A** ketika belajar di sekolah berasrama penuh sekitar tahun 1980an. Beliau merasakan apabila seseorang itu meningkat dewasa, ianya bukan hanya melibatkan perubahan hormon dalam badan tapi turut memberi kesan kepada keperluan spiritual seseorang yang seterusnya menyumbang kepada pembentukan identiti seseorang. Dan ini berlaku khususnya di peringkat remaja seseorang di mana persoalan seperti “siapa saya”, “apa saya nak jadi bila dewasa nanti”, “apa perlunya hidup”. Ini adalah persoalan yang sering timbul kerana seseorang itu masih mencari-cari identiti mereka.

Ketika **pendakwah wanita A** berada di sekolah asrama, beliau dengan sendirinya menganggap bahawa beliau bertanggungjawab untuk menjaga nama baik keluarganya kerana bapanya adalah seorang Kadhi. Rasa hormat orang ramai kepada keluarganya memberi impak positif kepada dirinya. Apa yang berlaku dalam dirinya bermula di sekolah menengah di mana,

*“Ketika berumur 13 tahun (dalam tahun 1980), saya mula memakai tudung meskipun belum ada sesiapa pun yang mula memakainya di sekolah ketika itu”*

Di masa yang sama ramai rakan-rakan mempertikaikan tindakannya itu. Ada yang mengejek dan ada yang cuba menjauhkan diri daripadanya. Dalam situasi ini, **pendakwah wanita A** berkata,

*“Sewaktu di sekolah berasrama, saya sering mengerjakan ibadah meskipun rakan-rakan di sekeliling tidak mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya. Ramai ibu bapa di kalangan mereka ini tidak pernah sembahyang. Jadi, ramai yang meminta saya untuk mengajar mereka sembahyang. Pada hujung tahunnya seramai lima orang rakan saya mula memakai tudung mula mengerjakan solat dengan penuh tanggungjawab”*

Pengalaman di atas menunjukkan pendakwah wanita **pendakwah wanita A** telah mula terlibat dengan aktiviti dakwah secara tidak lansung kepada rakan-rakan sekolahnya. Dan proses menjadi pendakwah telah bermula dalam diri sejak dari awal usia lagi tanpa disedari. Dan beliau terus berkecimpung dalam aktiviti dakwah sehingga di peringkat universiti di mana beliau turut menganggotai salah sebuah NGO yang berteraskan matlamat dakwah dalam masyarakat. Ini menunjukkan proses pengukuhan seseorang itu sebagai pendakwah wanita telah disemai semenjak dari awal lagi dan ini sedikit sebanyak membantu mereka mengawal emosi serta membawa peranan pendakwah itu dengan penuh komitmen dan kesabaran.

### 3. *Kecenderungan dalam berdakwah*

Kesemua pendakwah wanita menyatakan bahawa fokus terhadap pengisian dakwah mereka sering dilakukan secara umum agar dakwah ini tidak hanya untuk orang Muslim sahaja tetapi juga diharapkan dapat member manfaat kepada bukan Muslim. **Pendakwah wanita A** menyatakan pengalaman berceramah di sebuah forum agama di televisyen di mana beliau sering berceramah secara mudah agar mudah difahami oleh semua orang di mana beliau sering tekankan bahawa setiap agama mempunyai persamaan terutamanya dalam aspek kepercayaan kepada tuhan, pentingnya berbuat sesama manusia dan menjauhkan segala kejahatan ke atas orang lain dan kepentingan berbuat baik kepada ibu bapa. Beliau pernah ditegur oleh seorang peniaga yang berbangsa india kerana beliau gemar Pendakwah wanita tersebut bercakap mengenai konsep ketuhanan kerana ianya tidak hanya khusus kepada umat Islam sahaja sebaliknya relevan kepada beliau yang berbangsa Hindu. Bayangkanlah betapa hebatnya media elektronik dalam menyampaikan dakwah masa kini dan ianya bertambah hebat berikutan dengan kebijaksanaan dan keberkesanan teknik berdakwah di kalangan pendakwah wanita ini. Kejadian serta pengalaman disapa oleh orang ramai seumpama ini turut mematangkan pendakwah wanita ini serta memberikan motivasi untuk mereka terus mengukuhkan peranan mereka sebagai pendakwah wanita.

**Pendakwah wanita B** turut menyatakan betapa pentingnya agar tidak memperkecilkan agama lain kerana Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Ketika berdakwah beliau sering menekankan perlunya sifat toleransi dalam masyarakat di mana ianya boleh dicapai sekiranya kita hormat-menghormati antara satu sama lain.

**Pendakwah wanita C** turut menceritakan pengalaman beliau secara tidak sengaja dengan seorang penjual ubat berbangsa Cina yang mengeluh kerana perniagaannya tidak begitu menguntungkan pada hari itu. **Pendakwah wanita C** mengambil peluang dengan memberikan sedikit input dengan menyatakan bahawa wang bukanlah segala-galanya dalam hidup kita. Beliau berkata dalam keadaan yang bersahaja tentang wang bukanlah segalanya tetapi kepuasan dalam hidup terutamanya ketika dapat menolong orang yang dalam kesusahan;

*“Jangan risau, hari ini tak untung mungkin lain hari tuhan tolong awak dengan cara lain sebab awak juga sudah buat baik sebab awak tolong jual ubat untuk orang sakit. Lain hari mungkin lagi baik”.*

Tanpa disedari beliau didatangi lagi oleh penjual ubat berbangsa Cina itu lagi kerana beliau suka mendengar beliau bercakap mengenai agama dan masyarakat. Meskipun **Pendakwah wanita 3** berdakwah mengenai nilai-nilai agama tetapi beliau tidak menekankan seorang supaya

memeluk Islam sebaliknya menekankan nilai-nilai kemanusiaan yang perlu dititik beratkan dalam kehidupan seharian.

#### 4. *Kemahiran yang diperolehi*

Kesemua pendakwah wanita ini agak terkenal dengan kepetahan mereka ketika berdakwah dan ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana kesemuanya merupakan bekas peminat di sekolah. Dua daripadanya adalah finalis akhir Pertandingan Pidato Pesta Perdana Menteri dan Pertandingan Pidato Kebangsaan sekitar tahun 1980an. Di peringkat ini mereka telah mula berpeluang muncul di kaca televisyen ketika baru berumur 17 tahun. Sewaktu di awal kemunculan mereka sebagai pendakwah menerusi kaca televisyen, pihak penerbit telah mula merasakan bahawa mereka ini tidak kekok lansung sewaktu rakaman dijalankan. Kemahiran komunikasi yang tinggi menyebabkan identiti mereka sebagai pendakwah semakin menyerlah kerana mereka tidak gentar ketika memberikan syarahan di khalayak ramai biarpun di hadapan penonton lelaki. Ini sedikit banyak adalah faktor penglibatan yang aktif dalam arena perdebatan semenjak di peringkat sekolah dan universiti lagi serta pengalaman muncul di kaca televisyen semasa remaja lagi. Tiada sifat 'stage fright' juga merupakan faktor utama dalam membentuk dan mengukuhkan identiti mereka sebagai pendakwah wanita yang diminati penonton.

#### 5. *Aspirasi menjadi seorang pendakwah wanita*

Apabila diajukan pertanyaan mengapa wanita ini hendak menjadi pendakwah, rata-rata menyatakan bahawa tidak pernah terlintas di hati mereka hendak menjadi seorang pendakwah, ada yang menyatakan mereka sememang telah ditentukan oleh Allah untuk menjadi pendakwah manakala ada yang mengatakan mereka menjadi pendakwah hanya kerana secara kebetulan. Walau apa pun alasan yang diberikan mereka kini adalah pendakwah wanita yang semakin dikenali dan dihormati dalam masyarakat.

**Pendakwah A** menyatakan ianya hanya sebagai kebetulan kerana pada asalnya dijemput untuk memberikan ceramah agama setelah kembali dari pengajian Phd. Manakala **Pendakwah B**, menyatakan bahawa beliau pada asalnya dijemput memberikan kuliah agama di surau berdekatan rumah. Sambutan semakin hebat sehingga sering dijemput dari rumah ke rumah sehinggalah kebolehan dan kelebihan beliau berceramah turut dihidu oleh penerbit rancangan agama di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Begitu juga **Pendakwah C, D** dan **E** yang mengaku tidak menangan kerana sering dijemput untuk memberikan ceramah agama. Pendakwah wanita ini bersetuju dan percaya bahawa di luar sana masih ramai lagi pendakwah wanita yang berpotensi memberikan dakwah yang hebat namun terdapat banyak kekangan dan halangan yang membatasi peluang wanita-wanita ini.

Seringkali mendapat jemputan memberikan syarahan agama juga adalah faktor yang penting dalam mengukuhkan identiti mereka sebagai pendakwah. Setiap kali bersyarah mereka meneliti semula kekurangan pada syarahan masing-masing dan sering memperbaiki kekurangan mereka pada syarahan yang seterusnya. Oleh itu, kebiasaan dan peluang yang sering diberikan kepada mereka member peluang kepada mereka untuk terus memperbaiki teknik berdakwah mereka.

### **Kesan identiti agama terhadap hubungan etnik di Malaysia**

Berdasarkan pengalaman beberapa pendakwah wanita turut memperlihatkan bagaimana identiti agama turut mempunyai impak kepada hubungan etnik di Malaysia tanpa mengira agama apa sekali pun meskipun saya paparkan identiti pendakwah wanita Islam. Ini adalah kerana setiap agama menyeru kepada kebaikan dan tidak ada agama yang menyeru kepada kejahatan. Ini jelas berdasarkan pengalaman **pendakwah C** dan jurujual Cina. Input-input kebaikan yang disarankan dalam ajaran Islam adalah bersifat universal begitu juga dengan agama-agama lain yang turut

menekankan rasa kasih sayang, hormat menghormati antara satu sama lain, sifat jujur, amanah dan sebagainya. Secara tidak langsung ianya turut memberikan kesan yang positif kepada unsur-unsur perpaduan di Malaysia. Ini menunjukkan sikap toleransi yang ditunjukkan melalui agama masih lagi relevan dalam masyarakat yang serba membangun pada masa kini.

### **Kesan kemunculan pendakwah wanita di Malaysia**

Kemunculan pendakwah wanita di Malaysia adalah sangat relevan dan beberapa orang pendakwah lelaki yang bertaraf Ulama' dalam kajian Mimi Hanida Abdul Mutalib (2008) menyatakan bahawa kemunculan pendakwah wanita seharusnya telah berlaku semenjak dari awal lagi iaitu sebelum tahun 1990an lagi kerana kehadiran mereka terbukti banyak membantu pendakwah lelaki dalam aktiviti pendakwaan di Malaysia.

Sementara itu, kemunculan pendakwah wanita ini juga menunjukkan kepada sarjana Barat bahawa peluang wanita untuk sama-sama membantu meningkatkan syiar Islam tidak hanya terletak kepada lelaki sahaja tetapi turut menunjukkan wanita Islam juga mampu serta dibenarkan berganding bahu meningkatkan syiar Islam dalam masyarakat. Hal ini juga bukanlah perkara baru kerana semenjak di zaman Rasulullah (SAW) lagi menunjukkan peranan wanita Islam dalam kerja-kerja pendakwaan juga telah wujud. Siti Rugayah Tibek (1998: 364) menyatakan peranan Saidatina Aisyah (RA) dalam aktiviti pendakwaan di mana beliau turut menjadi rujukan terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan wanita dan Islam.

### **Kesimpulan**

Artikel ini memaparkan bagaimana pendakwah wanita di Malaysia membina dan mengukuhkan identiti mereka sebagai pendakwah yang dapat diterima oleh orang ramai. Beberapa aspek seperti personaliti serta akhlak yang baik, kemahiran berkomunikasi dan ICT yang tinggi adalah antara faktor penyumbang dalam membina identiti mereka sebagai pendakwah wanita yang mendapat tempat dalam masyarakat Malaysia. Pendakwah wanita kini bukan hanya mendapat tempat dalam kalangan pendengar Muslim tetapi sedikit sebanyak telah mula dikenali oleh masyarakat bukan Muslim. Penerimaan mereka dalam masyarakat sedikit sebanyak dipengaruhi oleh proses yang diharungi mereka sewaktu membina identiti mereka sebagai pendakwah wanita masa kini yang bukan hanya mampu menyampaikan syiar Islam tetapi juga kelebihan mereka dalam menyesuaikan penyampaian mereka dengan pelbagai peringkat masyarakat di Malaysia.

Selain daripada itu, penglibatan diri pendakwah dalam NGO juga turut melihat bagaimana penglibatan seumpama itu turut mampu mengukuh dan melestarikan identiti seorang pendakwah wanita masa kini. Artikel ini diharapkan agar dapat memberikan pemahaman melalui pendekatan antropologi agama berhubung dengan identiti seorang pendakwah wanita agar turut diperhalusi dan dijiwai oleh penganut agama lain mahupun etnik lain tentang identiti seorang wanita Islam yang melibatkan diri dengan aspek pendakwaan di Malaysia.

### **Rujukan**

- Beck M (1997) *Exploring religion*. Oxford University Press, Australia.  
Chandra Muzaffar (1987) *Islamic resurgence in Malaysia*, first edn. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, Malaysia.  
Mimi Hanida Abdul Mutalib (2008) *Roses among thorns: The emergence and expansion of contemporary female da'ies in Malaysia* (PhD dissertation) University of Queensland, Australia.



- Nagata JA (1975) *Pluralism in Malaysia-Myth and reality: A symposium on Singapore and Malaysia*. Brill, Leiden.
- Nagata JA (1984) *The reflowering of Malaysian islam: Modern religious radicals and their roots*. University of British Columbia Press, Vancouver.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan (2003) In: Gerrie ter Haar, James J. Busuttil (eds) *The freedom to do God's will: Religious fundamentalism and social change*, first edn, 49-74. Routledge Taylor & Francis Group, London & New York.
- Siti Rugayah Tibek (1998) Pendakwah wanita: Antara kewajipan dan cabaran. In: *Prinsip dan kaedah dakwah dalam arus pembangunan Malaysia*. Penerbit UKM, Bangi.
- Wazir-Jahan Begum Karim (1995) Male and female in Developing Southeast Asia. *Cross-Cultural Perspectives on Women* **14** (1), 11-34.
- Zainah Anwar (1987) *Islamic revivalism in Malaysia: Da'wah among the students*. Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, Malaysia.